



MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940-1946)

100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur

SEKIRANYA ANDA PEMEGANG SAHAM KAMI YANG LAYAK BERDASARKAN REKOD PENDEPOSIT MAYBANK BERTARIKH 29 APRIL 2013 ("PEMEGANG SAHAM YANG LAYAK") DAN INGIN MENGAMBIL BAGHAGIAN DALAM DRP, ANDA MESTI MELENGKAPKAN DAN MEMULANGKAN BORANG PELABURAN SEMULA DIVIDEN KEPADA TRICOR INVESTOR SERVICES SDN BHD ("PENDAFTAR BAGI DRP"), DAN BORANG TERSEBUT HARUSLAH SAMPAI KEPADA PENDAFTAR BAGI DRP PADA ATAU SEBELUM HARI KHAMIS, 16 MEI 2013 PADA JAM 5.00 PETANG, ATAU SEBARANG TARIKH DAN MASA YANG MUNGKIN DILANJUTKAN OLEH LEMBAGA PENGARAH MAYBANK ("LEMBAGA PENGARAH") BERDASARKAN BUDI BICARA MUTLAK MEREKA.

SEKIRANYA ANDA TIDAK INGIN MELABUR SEMULA DIVIDEN TUNAI ANDA KE DALAM SAHAM-SAHAM BIASA BARU MAYBANK BERNILAI RM1.00 SESAHAM ("SAHAM MAYBANK") BERKAITAN DENGAN DRP, ANDA TIDAK PERLU MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN. PEMBAYARAN KE ATAS JUMLAH KELAYAKAN DIVIDEN AKAN DIBUAT KEPADA ANDA PADA HARI RABU, 29 MEI 2013 BERDASARKAN PILIHAN YANG TELAH ANDA PUTUSKAN SEBELUM INI.

Tarikh dan masa akhir untuk menyerahkan Borang Pelaburan Semula Dividen	: Khamis, 16 Mei 2013 pada jam 5.00 petang, atau sebarang tarikh dan masa yang mungkin dilanjutkan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan budi bicara mutlak mereka
Terbitan dan peruntukan Saham-saham baru Maybank serta pembayaran dividen tunai kepada Pemegang Saham Yang Layak	: Rabu, 29 Mei 2013

Pada 21 Februari 2013, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen tunai akhir sebanyak 33 sen (28.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, yang terdiri daripada *franked dividend* sebanyak 18 sen (13.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank dan dividen satu peringkat (*single-tier dividend*) sebanyak 15 sen bagi setiap Saham Maybank ("Dividen Tunai Akhir"). Lembaga Pengarah juga telah menentukan bahawa Pelan Pelaburan Semula Dividen akan diguna pakai bagi pembayaran Dividen Tunai Akhir yang dinyatakan tersebut di mana bahagian boleh pilih kasar sebanyak 29 sen (24.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank yang dipegang, yang terdiri daripada *franked dividend* sebanyak 18 sen (13.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank dan dividen satu peringkat (*single-tier dividend*) sebanyak 11 sen bagi setiap Saham Maybank ("Bahagian Boleh Pilih") boleh dilaburkan semula ke dalam Saham Maybank baru dan bahagian selebihnya yang terdiri daripada dividen satu peringkat (*single-tier dividend*) sebanyak 4 sen bagi setiap Saham Maybank yang dipegang akan dibayar secara tunai.

Setiap Pemegang Saham Yang Layak mempunyai pilihan-pilihan berikut terhadap Bahagian Boleh Pilih:

- (a) Memilih untuk menerima kesemua Bahagian Boleh Pilih dalam tunai; atau
- (b) Memilih untuk melabur semula kesemua Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM8.80 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 12 April 2013; atau
- (c) Memilih untuk melabur semula sebahagian daripada Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM8.80 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 12 April 2013 dan menerima bahagian selebihnya daripada Bahagian Boleh Pilih dalam tunai.

Salinan Memorandum Maklumat berserta dengan salinan-salinan Penyata DRP, Notis Pemilihan dan Borang Pelaburan Semula Dividen ("Dokumen-dokumen DRP") telah dihantar kepada semua Pemegang Saham Yang Layak (kecuali pemegang-pemegang saham yang beralamat di luar negara) pada 2 Mei 2013.

Sebarang terbitan Saham Maybank baru sehubungan dengan Notis Pemilihan (termasuk Borang Pelaburan Semula Dividen) tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Dokumen-dokumen DRP yang diterbitkan oleh Maybank. Bilangan maksimum Saham Maybank baru yang dinyatakan dalam Borang Pelaburan Semula Dividen yang dikeluarkan kepada anda telah dikira berdasarkan kelayakan anda untuk Bahagian Boleh Pilih pada 29 April 2013.

Rasional Maybank melaksanakan DRP ini adalah seperti berikut:

- (a) Untuk meningkat dan memaksimumkan nilai pemegang saham melalui langganan Saham Maybank baru di mana harga terbitan bagi satu Saham Maybank baru adalah pada harga diskau;
- (b) Untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada pemegang-pemegang saham dalam memenuhi matlamat pelaburan mereka, di mana mereka akan mempunyai pilihan sama ada untuk menerima tunai atau melabur semula dalam Maybank melalui langganan Saham Maybank tambahan tanpa perlu mengeluarkan kos bagi transaksi material mahupun kos-kos lain yang berkaitan; dan
- (c) Untuk mendapat manfaat daripada penyertaan pemegang saham dalam DRP di mana jika pemegang-pemegang saham memilih untuk melabur semula Bahagian Boleh Pilih tersebut ke dalam Saham Maybank baru, tunai yang sepatutnya dibayar sebagai dividen akan dilaburkan semula sebagai dana untuk perkembangan perniagaan berterusan bagi kumpulan Maybank. DRP bukan hanya memperluaskan asas modal saham Maybank dan memperkukuhkan kedudukan modalnya, tetapi juga akan menambahkan kecairan bagi Saham Maybank di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai DRP, anda boleh menghubungi Pendaftar bagi DRP di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur (Tel: +603-2264 3883) atau e-mel kepada is.enquiry@my.tricorglobal.com.

Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan berhubung tindakan yang perlu diambil, anda haruslah mendapatkan khidmat nasihat broker saham, pengurus bank, peguam, akauntan atau penasihat profesional lain dengan serta-merta.

Penasihat bagi DRP



Maybank Investment Bank Berhad (19938-H)
(Sebuah Cergasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Sahaja)